

KESAN MODUL ASSIDE TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN TIDAK BERFORMAT MURID TAHUN ENAM

THE IMPACT OF THE ASSIDE MODULE ON YEAR SIX STUDENTS' ACHIEVEMENT IN UNFORMATTED ESSAY WRITING

Marbella Justine^{1*}
Norjietta Julita Taisin²

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.
(E-mail: marbella.tmk@gmail.com)

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.
(E-mail: norjietta@fbk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: marbella.tmk@gmail.com

Article history

Received date : 7-2-2026
Revised date : 8-2-2026
Accepted date : 25-3-2026
Published date : 29-3-2026

To cite this document:

Justine, M., & Taisin, N. J. (2026). Kesan modul ASSIDE terhadap pencapaian penulisan karangan tidak berformat murid tahun enam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 353 – 365

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk menguji kesan penggunaan Modul ASSIDE terhadap pencapaian penulisan karangan tidak berformat murid Tahun Enam dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Modul ASSIDE dibangunkan berasaskan integrasi Model ASSURE dan Model Sidek serta disokong oleh pendekatan konstruktivisme melalui Strategi ORBIT dan penggunaan peta bulatan i-Bulugu bagi membantu murid menstruktur dan mengolah idea penulisan secara sistematik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 128 orang murid Tahun Enam dari enam buah sekolah kebangsaan luar bandar di Negeri Sabah. Sampel kajian dibahagikan kepada kumpulan rawatan ($n = 64$) dan kumpulan kawalan ($n = 64$). Instrumen kajian terdiri daripada ujian pencapaian struktur penulisan karangan tidak berformat dan ujian amali pengolahan idea, yang ditadbir melalui ujian pra, ujian pasca dan ujian pos tertangguh. Data dianalisis menggunakan Split-Plot ANOVA (SPANOVA) dan Multivariate Analysis of Variance (MANOVA). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Modul ASSIDE memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan struktur penulisan karangan $F(1, 126) = 1748.489, p < .001$ dan pengolahan idea murid $F(1, 126) = 33.337, p < .001$, dengan saiz kesan sederhana hingga besar. Analisis MANOVA turut mengesahkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mencapai pencapaian yang lebih tinggi secara konsisten berbanding kumpulan kawalan bagi kedua-dua konstruk penulisan, dan kesan tersebut dapat dikekalkan selepas tempoh tertentu. Kesimpulannya, Modul ASSIDE berkesan sebagai intervensi pedagogi berstruktur dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat murid Tahun Enam, serta berpotensi menyumbang kepada pemeraksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun secara lebih sistematik dan kontekstual.

Kata Kunci: Modul ASSIDE, penulisan karangan tidak berformat, struktur karangan, pengolahan idea, Bahasa Kadazandusun, kuasi-eksperimen.

Abstract: *This study aims to examine the effect of the ASSIDE Module on Year Six pupils' achievement in unformatted essay writing in the Kadazandusun language subject. The ASSIDE Module was developed based on the integration of the ASSURE Model and the Sidek Model and is supported by a constructivist approach through the ORBIT Strategy and the use of the i-Bulugu circle map to assist pupils in structuring and developing writing ideas systematically. This study employed a quasi-experimental design with a quantitative approach involving 128 Year Six pupils from six rural national primary schools in the state of Sabah. The sample was divided into a treatment group ($n = 64$) and a control group ($n = 64$). The research instruments consisted of an unformatted essay writing structure achievement test and a practical test on idea development, which were administered as pre-tests, post-tests, and delayed post-tests. Data were analysed using Split-Plot ANOVA (SPANOVA) and Multivariate Analysis of Variance (MANOVA). The findings revealed that the use of the ASSIDE Module had a significant effect on the improvement of essay writing structure, $F(1, 126) = 1748.489$, $p < .001$, and pupils' idea development, $F(1, 126) = 33.337$, $p < .001$, with moderate to large effect sizes. MANOVA results further confirmed that pupils in the treatment group consistently achieved higher performance than those in the control group across both writing constructs, and that these effects were sustained over time. In conclusion, the ASSIDE Module is effective as a structured pedagogical intervention in enhancing Year Six pupils' achievement in unformatted essay writing and has the potential to contribute to the systematic and contextual strengthening of Kadazandusun language instruction.*

Keywords: *ASSIDE Module, unformatted essay writing, essay structure, idea development, Kadazandusun language, quasi-experimental*

Pengenalan

Bahasa merupakan teras utama identiti dan kelangsungan sesuatu bangsa. Kehilangan bahasa bermaksud kehilangan warisan, nilai dan jati diri sesebuah masyarakat (Norjietta & Tracy, 2025). Sehubungan itu, Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa etnik di Sabah perlu dipelihara dan diperkasakan secara sistematik melalui pendidikan formal, khususnya bermula di peringkat sekolah rendah. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Kadazandusun yang berkesan berperanan penting dalam memastikan bahasa ini terus diwarisi oleh generasi muda dan tidak lenyap ditelan arus globalisasi (Marbella & Norjietta, 2019). Hal ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, 1988), iaitu pendidikan di Malaysia menekankan perkembangan menyeluruh dan holistik setiap pelajar secara fizikal, emosi, mental dan rohani. Dalam konteks ini, PdP Bahasa Kadazandusun perlu dilaksanakan secara inovatif dan selaras dengan keperluan murid pada abad ke-21. Namun demikian, dapatan awal menunjukkan penguasaan murid dalam kemahiran menulis, khususnya penulisan karangan tidak berformat bagi murid Tahun Enam, masih berada pada tahap yang kurang memberangsangkan. Fenomena ini boleh menjejaskan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa secara keseluruhan. Penggunaan bahan bantu belajar (BBB) yang sistematik dan berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dilihat sebagai satu pendekatan berkesan bagi meningkatkan keberkesanan PdP. Sejarar dengan Dasar Pendidikan Digital Kementerian Pendidikan Malaysia, integrasi TMK mampu menyokong pembelajaran yang lebih interaktif serta merangsang kemahiran berfikir aras tinggi murid. Oleh itu, kajian ini memperkenalkan Modul ASSIDE sebagai satu intervensi PdP yang menggabungkan Strategi ORBIT dan penggunaan peta bulatan i-Bulugu bagi meningkatkan

pencapaian murid dalam penulisan karangan tidak berformat Bahasa Kadazandusun Tahun Enam.

Pernyataan Masalah

Pelaksanaan dasar *Pupil's Own Language* (POL) menegaskan kepentingan penggunaan bahasa ibunda murid dalam PdP formal. Sehubungan itu, pendidikan Bahasa Kadazandusun telah mula dilaksanakan di sekolah rendah di Negeri Sabah sejak tahun 1997 (Linah, Bilcher & Jane, 2021). Walau bagaimanapun, setelah lebih dua dekad pelaksanaannya, masih wujud pelbagai kelemahan dalam PdP Bahasa Kadazandusun, khususnya dalam penguasaan kemahiran menulis karangan tidak berformat dalam kalangan murid sekolah rendah (Marbella & Norjietta, 2019). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap kemahiran menulis murid Bahasa Kadazandusun berada pada tahap sederhana dan rendah (Lourince & Norjietta, 2022; Khairul, 2022). Antara isu utama yang dikenal pasti ialah ketidakupayaan murid mengorganisasikan idea secara sistematik sebelum menulis, menyebabkan hasil penulisan yang kurang tersusun dan sukar difahami (Fong & Saidatul, 2023). Keadaan ini berpunca daripada pendekatan PdP yang masih bersifat konvensional dan kurang menekankan penggunaan strategi visual serta panduan penulisan yang berstruktur (Huei & Faridah, 2022). Selain itu, kebanyakan murid tidak dibekalkan dengan panduan yang jelas dan sistematik untuk merancang idea, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka menghasilkan karangan yang berkualiti (Rohaida, Zamri dan Khairul, 2024). Walaupun peta pemikiran dikenal pasti sebagai alat bantu visual yang berpotensi dalam membantu murid mengatur idea, keberkesanannya sangat bergantung kepada kesesuaian kaedah dan tahap keupayaan murid (Geoffrey et al., 2024). Tanpa pendekatan yang terancang, penggunaan alat visual semata-mata tidak mampu menangani cabaran penulisan secara menyeluruh. Tambahan pula, sikap negatif dan kurang motivasi terhadap penulisan karangan turut menjadi faktor penghalang kepada pencapaian murid (Mohd Harman & Alizah, 2024). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan satu pendekatan PdP yang lebih sistematik, inovatif dan berasaskan keperluan murid bagi meningkatkan kemahiran menulis karangan tidak berformat Bahasa Kadazandusun. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menguji kesan Modul ASSIDE sebagai satu intervensi PdP bagi mengatasi kelemahan dalam pengajaran penulisan karangan tidak berformat murid Tahun Enam.

Objektif Kajian

Menguji kesan penggunaan modul ASSIDE terhadap pencapaian murid dalam penulisan karangan tidak berformat tahun enam.

Hipotesis Kajian

- HO1: Penggunaan modul ASSIDE tidak memberikan kesan terhadap pencapaian struktur penulisan karangan tidak berformat.
- HO2: Penggunaan modul ASSIDE tidak memberikan kesan terhadap pencapaian pengolahan idea menulis karangan tidak berformat.
- HO3: Penggunaan modul ASSIDE tidak memberi kesan terhadap pencapaian struktur penulisan karangan tidak berformat dan pencapaian pengolahan idea menulis karangan tidak berformat.


Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang ditunjukkan dalam Rajah 1 ini dibangunkan untuk menjelaskan hubungan fungsional antara pelaksanaan Modul ASSIDE dan pencapaian penulisan karangan tidak berformat murid Tahun Enam. Dalam kerangka ini, Modul ASSIDE bertindak sebagai pembolehubah bebas, manakala pencapaian penulisan karangan tidak

berformat merupakan pembolehubah bersandar. Pencapaian tersebut dioperasionalkan melalui tiga konstruk utama, iaitu struktur karangan, perkembangan idea dan pengolahan isi secara koheren, yang dinilai menggunakan rubrik pemarkahan analitik. Selaras dengan pandangan Othman dan Ishak (2013), bahawa kerangka konseptual berfungsi menjelaskan hubungan antara pembolehubah secara sistematik, kerangka ini memfokuskan kepada mekanisme operasional yang menerangkan bagaimana elemen pedagogi modul mempengaruhi konstruk yang diukur secara empirikal, dan bukan sekadar menghuraikan asas teori atau model pembangunan semata-mata.

Modul ASSIDE dibangunkan melalui integrasi Model ASSURE (Heinich, 1996) dan Model Sidek (Sidek, 2002; Sidek & Jamaluddin, 2005) sebagai asas reka bentuk dan prosedur pembangunan. Model Sidek menyediakan kerangka sistematik yang merangkumi analisis keperluan, pembinaan draf, penilaian pakar dan kajian rintis bagi memastikan kesahan kandungan serta kebolehppercayaan modul, manakala Model ASSURE menyokong perancangan pengajaran dan pembelajaran berasaskan integrasi media dan teknologi secara terancang. Dalam konteks kerangka konseptual, pengaruh modul terhadap struktur karangan berlaku melalui penetapan objektif pembelajaran yang jelas dan spesifik, penggunaan contoh model serta grafik organisasi, dan pelaksanaan latihan berperingkat dengan maklum balas berfokus. Pendekatan ini membantu murid membina pendahuluan yang relevan, mengembangkan perenggan isi yang lengkap serta menghasilkan penutup yang tersusun. Penyusunan maklumat secara sistematik ini selari dengan prinsip *Cognitive Load Theory* (Sweller, 1988) yang menekankan pengurangan beban kognitif bagi meningkatkan keberkesanan pemprosesan maklumat dan kejelasan organisasi penulisan.

Selain itu, Strategi ORBIT dalam Modul ASSIDE berfungsi sebagai mekanisme pedagogi berperingkat yang menyokong perkembangan idea dan pembinaan struktur karangan secara menyeluruh melalui lima fasa, iaitu Orientasi, Rangsangan Idea, Bentuk Semula, Implementasi dan Tinjauan. Fasa Orientasi mengaktifkan pengetahuan sedia ada murid sebagai asas pembinaan idea, selaras dengan teori perkembangan kognitif oleh Piaget (1969). Fasa Rangsangan Idea memperluas isi melalui aktiviti *brainstorming*, soal jawab dan perbincangan menggunakan I-Bulugu yang disokong oleh konsep *scaffolding* dalam teori sosiobudaya Vygotsky (1978). Seterusnya, fasa Bentuk Semula menyusun idea secara koheren dan sistematik, manakala Implementasi membolehkan murid mengaplikasikan idea dalam penulisan karangan lengkap dengan sokongan integrasi visual dan verbal sebagaimana dihuraikan dalam *Cognitive Theory of Multimedia Learning*. Fasa Tinjauan pula melibatkan refleksi dan penilaian semula bagi memperkukuh kefahaman serta menambah baik kualiti penulisan. Secara keseluruhannya, ORBIT berperanan sebagai mediator yang menghubungkan pelaksanaan Modul ASSIDE dengan peningkatan kejelasan struktur dan kedalaman idea, seterusnya menyumbang kepada peningkatan pencapaian penulisan karangan tidak berformat secara signifikan.



Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian

Sorotan Kajian

Kurikulum Bahasa Kadazandusun di bawah KSSR diperkenalkan untuk memelihara dan memperkasa bahasa etnik Kadazandusun serta membentuk jati diri dan kecekapan berbahasa murid (KPM, 2021). Bagi murid Tahun Enam, penekanan diberikan kepada kemahiran menulis, termasuk pembangunan ayat gramatis, pengembangan idea, dan penghasilan teks koheren berdasarkan pengalaman serta pengetahuan murid (KPM, 2021). Pendekatan ini selari dengan prinsip konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan melalui pengalaman, interaksi, dan refleksi sendiri (Nabiila, Septa & Yunus, 2025). Kajian terdahulu menunjukkan penguasaan kemahiran menulis murid masih rendah hingga sederhana, khususnya dalam aspek pengembangan idea, organisasi isi, dan pemurnian penulisan (Mohd Harman & Alizah, 2024). Kekangan pedagogi seperti kekurangan bahan pengajaran relevan, latihan guru terhad, dan pendedahan murid yang minima terhadap Bahasa Kadazandusun di luar bilik darjah turut menyumbang kepada kelemahan ini (Jesseca, Minah & Norazmie, 2024). Cabaran ini lebih ketara dalam penulisan karangan tidak berformat yang menuntut kreativiti dan pemikiran kritis, serta integrasi unsur budaya dan pengalaman tempatan, namun murid sering menghadapi kesukaran membina kohesi teks dan menggunakan kosa kata serta tatabahasa dengan tepat (Viannie, Minah & Norazmie, 2025). Kekurangan modul penulisan khusus dan latihan berstruktur membataskan keupayaan guru melaksanakan PdP secara sistematik (Huei &

Faridah, 2022). Kajian menunjukkan modul pembelajaran berstruktur yang merangkumi perancangan, penghasilan draf, dan semakan dapat meningkatkan kualiti penulisan murid (Fong & Saidatul, 2023). Sehubungan itu, Modul ASSIDE yang mengintegrasikan peta i-Bulugu, latihan penulisan berstruktur, dan sokongan teknologi relevan untuk meningkatkan penguasaan penulisan karangan tidak berformat serta menyokong objektif DSKP Bahasa Kadazandusun Tahun Enam.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan enam buah Sekolah Kebangsaan luar bandar di daerah Tambunan, Keningau dan Tenom yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Kadazandusun dari Tahun Satu hingga Tahun Enam. Pemilihan sekolah dibuat secara persampelan bertujuan berdasarkan dua kriteria utama, iaitu kepadatan etnik Dusun yang masih mengekalkan penutur jati serta pelaksanaan pengajaran Bahasa Kadazandusun yang konsisten selama 10 hingga 15 tahun. Konteks ini menunjukkan kesinambungan kurikulum, pengalaman guru dan budaya sekolah yang stabil, sekali gus menyediakan asas yang kukuh untuk menilai keberkesanan Modul ASSIDE tanpa dipengaruhi perubahan dasar atau pelaksanaan baharu. Pemfokusan kepada sekolah luar bandar juga membolehkan kemahiran menulis dinilai secara autentik kerana murid menggunakan Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa ibunda dalam kehidupan harian, di samping membantu mengawal pemboleh ubah luaran dan meningkatkan kesahan dalaman kajian. Populasi terdiri daripada murid Tahun Enam berusia sekitar 12 tahun, berlatar belakang masyarakat Dusun, dengan kesihatan fizikal dan mental normal, serta bukan murid berkeperluan khas. Sampel kajian seramai 128 murid dipilih melalui persampelan bertujuan, dibahagikan sama rata kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Saiz ini mencukupi untuk analisis SPANOVA dan MANOVA serta memenuhi kuasa statistik 0.80, melebihi saranan minimum kajian kuasi-eksperimen. Guru yang mengajar kedua-dua kumpulan dipilih berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman ≥ 10 tahun, memastikan keseragaman pengajaran dan kebolehpercayaan data. Kajian menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dengan pendekatan kuantitatif. Dua instrumen utama digunakan: ujian penulisan karangan tidak berformat untuk menilai struktur karangan dan pengolahan idea. Instrumen diberikan sebagai pra ujian, pasca ujian, dan pos tertangguh (hanya kumpulan rawatan) bagi menilai kesan segera dan ketekalan penguasaan kemahiran menulis. Ujian dianalisis menggunakan rubrik enam tahap penguasaan (Jadual 1), sejajar dengan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi DSKP Tahun Enam. Instrumen disemak pakar untuk memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan. Secara kritikal, metodologi ini membolehkan penilaian kesan Modul ASSIDE dilakukan secara menyeluruh dan longitudinal, dengan kawalan terhadap faktor guru, saiz sampel, dan latar belakang murid, seterusnya meningkatkan ketepatan inferens terhadap keberkesanan modul dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat.

Jadual 1: Rubrik Pemarkahan Penulisan Karangan Tidak Berformat

Tahap Penguasaan	Pernyataan	Peratus (%)	Gred	Tafsiran Gred
1 Sangat Terhad	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat secara berpandu di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terhad.	0-19	F	Belum Mencapai Tahap Minimum
2 Terhad	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat secara separuh berpandu di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terhad.	20-34	E	Mencapai Tahap Minimum
3 Memuaskan	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat dan cadangan bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap memuaskan.	35-49	D	Memuaskan
4 Baik	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat dan cadangan bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap kukuh.	50-65	C	Baik
5 Sangat Baik	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat dan cadangan bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap terperinci.	66-81	B	Kepujian
6 Cemerlang	Mencatat maklumat, membina dan menulis ayat untuk menyatakan pendapat dan cadangan bagi menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat di samping mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.	82-100	A	Cemerlang

Dapatan Kajian

Dapatan kajian bagi Hipotesis Kajian Pertama, iaitu *penggunaan modul ASSIDE tidak memberikan kesan terhadap struktur penulisan karangan tidak berformat*, analisis SPANOVA telah dijalankan ke atas data skor pra dan pasca pencapaian struktur karangan murid. Berdasarkan Jadual 2, *Mauchly's Test of Sphericity*, nilai $W = 1.000$ dan $\chi^2 = 0$ menunjukkan andaian sferisiti dipenuhi, justeru keputusan berdasarkan baris *Sphericity Assumed* adalah sah digunakan.

Jadual 2 : Ujian *Mauchly's Test* bagi *sphericity* dan nilai epsilon bagi pemboleh ubah pra dan pasca ujian pencapaian struktur karangan


Within Subjects Effect	Mauchly's W	Approx. Chi-Square	df	Sig.	Epsilon ^b Greenhouse-Geisser	Huynh-Feldt	Lower-bound
Pra_Pasca_Ujian_Pencapaian_Struktur_karangan	1.000	.000	0	.	1.000	1.000	1.000

Seterusnya berikut adalah keputusan analisis *Between-Subjects Effects* seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3. menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kajian, $F(1, 126) = 73.649$, $p < .001$. Nilai *partial eta squared* yang diperoleh ialah .369, menandakan saiz kesan yang sederhana hingga besar. Dapatan ini menunjukkan bahawa purata skor struktur penulisan karangan murid dalam kumpulan yang mengikuti modul ASSIDE adalah secara signifikan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan yang tidak menerima intervensi modul. Keputusan ini selari dengan dapatan kesan interaksi masa $\times$ kumpulan yang diperoleh, sekali gus mengesahkan bahawa peningkatan pencapaian struktur penulisan karangan murid bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor masa, tetapi juga secara signifikan disumbangkan oleh penggunaan modul ASSIDE. Saiz kesan yang tinggi turut menunjukkan keberkesanan modul ini dalam meningkatkan prestasi murid dari aspek struktur penulisan karangan tidak berformat.

Jadual 3 : Ujian SPANOVA bagi kesan kumpulan terhadap pencapaian struktur karangan

Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.	Partial Eta Squared	Noncent. Parameter	Observed Power ^a
Intercept	711808.598	1	711808.598	6702.774	<.001	.982	6702.774	1.000
Kumpulan	7821.191	1	7821.191	73.649	<.001	.369	73.649	1.000
Error	13380.711	126	106.196					

Rajah 2. pula memperlihatkan profil skor min struktur karangan bagi kedua-dua kumpulan merentas dua titik pengukuran, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Graf profil menunjukkan peningkatan skor yang bersifat linear bagi kedua-dua kumpulan; namun demikian, kumpulan rawatan mengekalkan skor min yang lebih tinggi pada kedua-dua masa pengukuran. Jurang skor antara kumpulan juga kelihatan jelas dan konsisten, sekali gus mengukuhkan dapatan statistik SPANOVA bahawa modul ASSIDE memberikan kesan positif terhadap pencapaian struktur penulisan karangan murid.



Rajah 2 : Profil skor struktur karangan pra–pasca bagi dua kumpulan kajian

Secara keseluruhan, hasil analisis SPANOVA ini menunjukkan bahawa penggunaan modul ASSIDE memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan struktur penulisan karangan tidak berformat. Oleh itu, berdasarkan nilai signifikan $p < .001$ serta saiz kesan yang sederhana hingga besar, hipotesis nol (H_{01}) ditolak. Dapatan ini membuktikan bahawa modul ASSIDE berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dari segi struktur penulisan karangan tidak berformat dan kesan peningkatan tersebut adalah secara signifikan lebih tinggi berbanding murid yang tidak mengikuti modul intervensi.

Bagi menguji Hipotesis Kajian Kedua pula, iaitu *penggunaan modul ASSIDE tidak memberikan kesan terhadap pengolahan idea dalam penulisan karangan tidak berformat*, analisis SPANOVA telah dijalankan ke atas data skor pra dan pasca ujian pengolahan idea murid. Berdasarkan Jadual 4, *Mauchly's Test of Sphericity*, nilai $W = 1.000$ dan $\chi^2 = 0$ menunjukkan andaian sferisiti dipenuhi, justeru keputusan berdasarkan baris *Sphericity Assumed* adalah sah digunakan.

Jadual 4 : Ujian *Mauchly's test* bagi *sphericity* dan nilai epsilon bagi pemboleh ubah pra dan pasca ujian amali pengolahan idea


Within Subjects Effect	Mauchly's W	Approx. Chi-Square	df	Sig.	Epsilon ^b Greenhouse-Geisser	Huynh-Feldt	Lower-bound
Pra_Pasca_Ujian_Amali_Pengolahan_Idea	1.000	.000	0	.	1.000	1.000	1.000

Keputusan analisis *Between-Subjects Effects* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kajian, $F(1, 126) = 33.337$, $p < .001$. Nilai *partial eta squared* yang diperoleh ialah .209, yang menunjukkan saiz kesan sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa purata skor pengolahan idea murid dalam kumpulan yang mengikuti modul ASSIDE adalah secara signifikan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Keputusan ini turut mengukuhkan dapatan kesan interaksi masa $\times$ kumpulan, menandakan bahawa penggunaan modul ASSIDE memberi kesan yang signifikan terhadap keupayaan murid dalam mengolah idea penulisan karangan tidak berformat, walaupun dengan saiz kesan yang sederhana.

Jadual 5 : Ujian SPANOVA bagi kesan kumpulan terhadap pencapaian pengolahan idea

Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.	Partial Eta Squared	Noncent. Parameter	Observed Power ^a
Intercept	833797.266	1	833797.266	6033.432	<.001	.980	6033.432	1.000
Kumpulan	4607.016	1	4607.016	33.337	<.001	.209	33.337	1.000
Error	17412.719	126	138.196					

Rajah 3 memperlihatkan profil skor min anggaran pengolahan idea bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan merentas dua titik pengukuran, iaitu ujian pra dan ujian pasca. Secara keseluruhan, kedua-dua kumpulan menunjukkan peningkatan skor daripada pra ke pasca; namun demikian, pola peningkatan adalah lebih ketara dalam kumpulan rawatan. Pada peringkat pra ujian, skor min kumpulan kawalan (51.66) dan kumpulan rawatan (52.17) adalah hampir sama, menunjukkan tahap pengolahan idea yang setara sebelum intervensi dilaksanakan. Selepas intervensi, kumpulan rawatan mencatat peningkatan skor min yang jauh lebih tinggi (70.45), manakala kumpulan kawalan hanya menunjukkan peningkatan yang minimum kepada 54.00. Perbezaan skor pasca ujian yang ketara antara kedua-dua kumpulan ini menunjukkan bahawa intervensi modul ASSIDE telah memberikan kesan positif yang signifikan terhadap kebolehan murid dalam mengolah idea. Jurang peningkatan yang lebih besar dalam kumpulan rawatan mengukuhkan dapatan analisis SPANOVA bahawa penggunaan modul ASSIDE adalah lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran konvensional dalam meningkatkan pengolahan idea murid.



Rajah 3 : Profil skor pengolahan idea pra–pasca bagi dua kumpulan kajian

Secara keseluruhan, hasil analisis SPANOVA ini menunjukkan bahawa penggunaan modul ASSIDE memberikan kesan yang signifikan terhadap peningkatan pengolahan idea murid dalam penulisan karangan tidak berformat. Oleh itu, berdasarkan nilai signifikan $p < .001$ serta saiz kesan yang sederhana, hipotesis nol (H_0) ditolak. Dapatan ini membuktikan bahawa modul ASSIDE berkesan dalam mempertingkatkan keupayaan murid untuk mengolah idea secara lebih kreatif, tersusun dan bermakna dalam penulisan karangan tidak berformat.

Manakala hipotesis ketiga pula iaitu kesan penggunaan Modul ASSIDE terhadap dua konstruk utama secara serentak, iaitu pencapaian struktur penulisan karangan tidak berformat dan pencapaian pengolahan idea dalam penulisan karangan telah dianalisis secara MANOVA. Analisis ini bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan terhadap gabungan kedua-dua pembolehubah bersandar tersebut pada ujian pasca dan ujian pos tertangguh. Keputusan ujian multivariat pada Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat kesan signifikan faktor masa (Pasca–Pos Tertangguh) terhadap kombinasi kedua-dua pembolehubah bersandar, berdasarkan *Pillai's Trace* = .060, $F(2, 251) = 8.021$, $p < .001$. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat perubahan skor merentas masa pengukuran bagi kedua-dua domain penilaian. Walau bagaimanapun, ujian ini hanya menunjukkan perubahan mengikut masa dan bukannya kesan langsung daripada kumpulan intervensi.

Jadual 6 : Ujian Multivariat (*Pillai's Trace*) bagi Pembolehubah Bersandar Mengikut Kumpulan

	Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.
Pillai's trace	.060	8.021 ^a	2.000	251.000	<.001

Analisis univariat pada Jadual 7 pula menunjukkan bahawa faktor masa tidak memberi kesan signifikan terhadap pencapaian struktur karangan, $F(1, 252) = 1.730$, $p = .190$. Sebaliknya, terdapat kesan signifikan faktor masa terhadap pencapaian pengolahan idea, $F(1, 252) = 12.933$, $p < .001$, menunjukkan bahawa berlaku peningkatan atau perubahan skor dari ujian pasca ke pos tertangguh khusus bagi kemahiran pengolahan idea. Bagi faktor kumpulan, keputusan menunjukkan kesan signifikan yang sangat besar terhadap kedua-dua pembolehubah bersandar. Kumpulan rawatan menunjukkan pencapaian struktur karangan yang jauh lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan, $F(1, 252) = 298.364$, $p < .001$. Begitu juga bagi pencapaian pengolahan idea, kumpulan rawatan mencatat perbezaan signifikan yang ketara, $F(1, 252) = 651.412$, $p < .001$. Keputusan ini secara jelas menunjukkan bahawa modul ASSIDE memberi kesan signifikan dalam meningkatkan keupayaan pelajar menstruktur karangan dan mengolah idea dengan lebih berkesan.

Jadual 7 : Ujian MANOVA univariat bagi ujian pencapaian struktur karangan dan ujian amali pengolahan idea

Dependent Variable		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Ujian Pencapaian	Contrast	105.063	1	105.063	1.730	.190
	Error	15307.531	252	60.744		
Ujian Amali Pengolaan Idea	Contrast	597.191	1	597.191	12.933	<.001
	Error	11636.734	252	46.178		

Seterusnya, analisis interaksi masa $\times$ kumpulan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa interaksi pasca–pos tertangguh $\times$ kumpulan tidak signifikan bagi kedua-dua pembolehubah bersandar, iaitu pencapaian struktur karangan, $F(1, 252) = .148$, $p = .701$, dan pencapaian pengolahan idea, $F(1, 252) = .187$, $p = .666$. Keputusan ini menunjukkan bahawa corak perubahan skor daripada ujian pasca ke ujian pos tertangguh adalah relatif konsisten antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, dan peningkatan atau pengekalannya pencapaian tidak dipengaruhi secara interaktif oleh faktor masa dan kumpulan.

Jadual 8 : Kesan Interaksi Pasca–Pos Tertangguh dan Kumpulan terhadap Dua Pembolehubah Bersandar

Source	Dependent Variable	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Pasca_PosTertangguh * Kumpulan	Ujian Pencapaian Struktur Karangan	9.000	1	9.000	.148	.701
	Ujian Amali Pengolaan Idea	8.629	1	8.629	.187	.666
Error	Ujian Pencapaian Struktur Karangan	15307.531	252	60.744		
	Ujian Amali Pengolaan Idea	11636.734	252	46.178		

Namun demikian, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9 memperlihatkan pola perbezaan skor min yang jelas dan konsisten memihak kepada kumpulan rawatan pada semua titik pengukuran. Bagi pencapaian struktur penulisan karangan, kumpulan rawatan mencatat skor min yang lebih tinggi pada ujian pasca ($M = 70.45$, $SP = 7.988$) berbanding kumpulan kawalan ($M = 54.00$, $SP = 8.103$), dan perbezaan ini kekal pada ujian pos tertangguh (Rawatan: $M = 72.11$; Kawalan: $M = 54.91$). Pola yang sama turut diperhatikan bagi pencapaian pengolahan idea, iaitu kumpulan rawatan menunjukkan skor pasca yang jauh lebih tinggi ($M = 70.11$, $SP = 5.875$) berbanding kumpulan kawalan ($M = 48.06$, $SP = 7.657$), dan kelebihan ini kekal konsisten pada ujian pos tertangguh (Rawatan: $M = 66.69$; Kawalan: $M = 45.38$). Konsistensi perbezaan min ini menunjukkan bahawa kesan modul ASSIDE terhadap kedua-dua aspek penulisan bukan bersifat sementara, malah dapat dikekalkan selepas tempoh tertentu.

Jadual 9 : Min dan sisihan piawai skor pasca dan pos tertangguh bagi kedua-dua pembolehubah mengikut kumpulan

	Pasca Pos Tertangguh	Kawalan Rawatan	Mean	Std. Deviation	N
Ujian Pencapaian Struktur Karangan	Pasca	Kawalan	54.00	8.103	64
		Rawatan	70.45	7.988	64
		Total	62.23	11.508	128
	Pos Tertangguh	Kawalan	54.91	7.402	64
		Rawatan	72.11	7.664	64
		Total	63.51	11.440	128
Ujian Amali Pengolaan Idea	Pasca	Kawalan	48.06	7.657	64
		Rawatan	70.11	5.875	64
		Total	59.09	12.988	128
	Pos Tertangguh	Kawalan	45.38	7.554	64
		Rawatan	66.69	5.874	64
		Total	56.03	12.644	128

Secara keseluruhannya, walaupun interaksi masa $\times$ kumpulan tidak signifikan, dapatan MANOVA yang disokong oleh analisis deskriptif menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan secara konsisten mencapai tahap pencapaian yang lebih tinggi dalam kedua-dua aspek struktur penulisan dan pengolahan idea berbanding kumpulan kawalan. Oleh itu, hipotesis nol (H_0) yang menyatakan bahawa penggunaan modul ASSIDE tidak memberi kesan terhadap pencapaian struktur penulisan karangan tidak berformat dan pencapaian pengolahan idea adalah ditolak. Dapatan ini mengukuhkan bukti bahawa modul ASSIDE berkesan dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat secara menyeluruh dan berterusan.

Perbincangan Kajian

Analisis SPANOVA bagi Hipotesis Pertama menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mencapai peningkatan yang jauh lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan dengan saiz kesan sederhana hingga besar, yang menandakan bahawa perubahan yang berlaku adalah signifikan dari sudut pendidikan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa peningkatan dalam struktur penulisan karangan tidak berformat terbina melalui intervensi pedagogi yang dirancang secara sistematik dan eksplisit. Penekanan terhadap proses merancang, menyusun dan menyemak semula karangan membantu murid memahami organisasi teks sebagai satu struktur yang mempunyai kesinambungan idea dan kohezi wacana. Pendekatan ini bertepatan dengan pandangan bahawa pengajaran penulisan secara berstruktur mampu meningkatkan kejelasan organisasi dan kualiti komposisi murid (Rohaida, Zamri dan Khairul, 2024). Reka bentuk modul yang berasaskan prinsip dalam Model ASSURE (Heinich, 1996) turut menyokong dapatan ini melalui analisis ciri murid, penetapan objektif yang jelas serta pemilihan strategi dan bahan yang disesuaikan dengan tahap kebolehan mereka, seterusnya memperkukuh penguasaan struktur karangan secara koheren dan konsisten.

Bagi Hipotesis Kedua, analisis SPANOVA memperlihatkan bahawa penggunaan Modul ASSIDE memberi kesan bermakna terhadap pengolahan idea, yang mencerminkan peningkatan dalam kualiti pemikiran dan pengembangan isi. Pengolahan idea memerlukan keupayaan kognitif aras tinggi seperti menganalisis, menghuraikan dan mensintesis maklumat, dan kemahiran ini dapat diperkukuh melalui latihan berpandu dan teknik penyoalan yang mencabar pemikiran murid. Dapatan ini selaras dengan teori proses penulisan yang menekankan kepentingan perancangan dan pengembangan idea secara sistematik dalam menghasilkan teks yang matang (Flower & Hayes, 1981), serta pendekatan pengajaran eksplisit yang memberi tumpuan kepada strategi pengembangan isi (Huei & Faridah, 2022). Melalui penyusunan aktiviti secara bertahap dan berfokus, murid didedahkan kepada cara memperluas idea dengan contoh, penjelasan dan justifikasi yang relevan, sekali gus meningkatkan kejelasan dan kemantapan hujah dalam karangan tidak berformat.

Seterusnya, analisis MANOVA bagi Hipotesis Ketiga menunjukkan bahawa secara gabungan, kedua-dua konstruk utama iaitu struktur penulisan dan pengolahan idea memperlihatkan perubahan merentas masa dengan kesan kumpulan yang dominan. Walaupun interaksi masa dan kumpulan tidak signifikan, pola skor min yang konsisten memihak kepada kumpulan rawatan menunjukkan bahawa kelebihan yang dicapai adalah stabil dalam tempoh susulan. Hal ini menandakan bahawa intervensi berstruktur bukan sahaja meningkatkan prestasi secara langsung, malah menyokong pengekalannya kemahiran menulis dalam jangka masa tertentu. Dari perspektif pedagogi, integrasi struktur dan pengolahan idea dalam satu kerangka pengajaran yang sistematik membolehkan murid menginternalisasi penulisan sebagai proses yang melibatkan organisasi teks dan pembangunan isi secara serentak, sekali gus selaras dengan pandangan bahawa pengajaran penulisan yang komprehensif dan berstrategi mampu menghasilkan peningkatan yang berkekalan (Huei & Faridah, 2022). Secara keseluruhan, perbincangan ini memperkukuh pendekatan pengajaran berasaskan reka bentuk instruksional yang terancang mampu meningkatkan dan mengekalkan kualiti penulisan karangan tidak berformat secara menyeluruh.

Implikasi Kajian

Implikasi kajian menunjukkan bahawa penggunaan modul intervensi yang berstruktur, *scaffolded* dan berasaskan teori instruksional mampu meningkatkan kualiti PdP penulisan secara signifikan. Modul ASSIDE menyediakan kerangka pengajaran yang jelas kepada guru

untuk membimbing murid secara sistematik dalam membina struktur karangan dan mengolah idea, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada kaedah pengajaran konvensional yang bersifat intuitif dan kurang berfokus. Implikasi ini turut menyokong aplikasi Model ASSURE dan Model SIDEK dalam pembangunan modul pengajaran bahasa, khususnya dalam konteks bahasa etnik. Integrasi kedua-dua model ini membuktikan bahawa pembangunan bahan PdP yang kontekstual, terancang dan disokong oleh aktiviti reflektif serta latihan berulang dapat meningkatkan pencapaian penulisan karangan tidak berformat. Dari sudut dasar pendidikan, kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pembangunan dan penggunaan modul pengajaran tempatan yang berasaskan bukti. Kejayaan Modul ASSIDE menunjukkan bahawa intervensi yang dibangunkan secara kontekstual dan berteraskan teori bukan sahaja relevan, malah mampu menyokong pencapaian akademik, kreativiti dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid sekolah rendah. Oleh itu, modul seumpama ini wajar dipertimbangkan untuk diperluaskan penggunaannya melalui latihan profesional guru dan sokongan institusi pendidikan. Bagi penyelidikan masa hadapan, kajian lanjutan boleh meneliti keberkesanan Modul ASSIDE merentas tahap kebolehan murid yang berbeza, konteks sekolah yang pelbagai, serta kesan jangka panjang terhadap kemahiran metakognitif dan penilaian sendiri murid. Penyelidikan campuran yang lebih mendalam juga boleh dijalankan untuk meneroka bagaimana elemen tertentu dalam modul ini menyumbang secara spesifik kepada peningkatan motivasi dan kualiti penulisan. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa integrasi teori instruksional, strategi pengajaran berstruktur dan pendekatan berfokuskan murid melalui Modul ASSIDE berupaya menghasilkan pengalaman pembelajaran penulisan yang berimpak tinggi, lestari dan bermakna, selaras dengan aspirasi pendidikan abad ke-21 dan keperluan konteks bahasa etnik.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan Modul ASSIDE memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian penulisan karangan tidak berformat murid Tahun Enam, khususnya dari aspek struktur penulisan dan pengolahan idea. Analisis SPANOVA menunjukkan bahawa murid dalam kumpulan rawatan mencapai peningkatan yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan bagi kedua-dua konstruk, dengan saiz kesan sederhana hingga besar. Hal ini membuktikan bahawa intervensi pedagogi yang berstruktur melalui Modul ASSIDE mampu meningkatkan koherensi, organisasi perenggan serta keupayaan murid menjana dan menghubungkan idea secara kreatif dan bermakna. Keberkesanan modul ini disokong oleh pendekatan bersepadu yang menggabungkan Model ASSURE, Model SIDEK dan Strategi ORBIT, yang menekankan perancangan pembelajaran, penggunaan media interaktif serta scaffolding kognitif, selaras dengan prinsip konstruktivisme sosial dan teori kognitif pembelajaran multimedia. Selain itu, analisis MANOVA dan data deskriptif menunjukkan bahawa kesan Modul ASSIDE bukan bersifat sementara, malah pencapaian murid dapat dikekalkan pada ujian pos tertangguh. Ini menegaskan bahawa modul intervensi yang sistematik, scaffolded dan kontekstual berupaya menyokong penguasaan jangka panjang dalam penulisan karangan tidak berformat. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan pembangunan modul pengajaran berasaskan bukti yang sensitif terhadap konteks bahasa dan budaya. Kesimpulannya, Modul ASSIDE berkesan sebagai pendekatan PdP inovatif dan berstruktur untuk Bahasa Kadazandusun, seterusnya menyokong kelestarian bahasa etnik dan pencapaian akademik murid. Kajian ini memberikan asas kukuh untuk pengembangan modul seumpama ini ke tahap lebih luas, merentas pelbagai konteks sekolah dan tahap kebolehan murid, serta menjadi rujukan penting bagi guru dan pembuat dasar pendidikan dalam memperkasakan pengajaran penulisan karangan tidak berformat secara holistik dan lestari.

Rujukan

- Flower, L., & Hayes, J. R. (1981). A cognitive process theory of writing. *College Composition and Communication*, 32(4), 365–387.
- Fong Peng Chew dan Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Satu: Level of Literacy in Writing Skills in the Malay Language among Year One Pupils. *PENDETA*, 14(1), 74-87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil, Dayang Suraya Awang Hidup, Marlissa Omar (2024). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 8(1), 49-67. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v8i1.7454>
- Heinich, R. (1996). *Instructional media and technologies for learning* (5th ed.). Merrill.
- Huei Shin Low dan Faridah Mydin Kutty. (2022). Keberkesanan Think-Pair-Share Terhadap Motivasi dan Penglibatan Murid dalam Penguasaan Penulisan Bahasa Malaysia Sekolah SJK (C). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 7(5), e001517-e001517. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1517>
- Jessecia Dunis, Minah Sintian dan Mohd.Norazmie Mohd. Yusof. (2024). Pengaplikasian permainan kad memori dalam pembelajaran kata nama am konkrit bahasa Kadazandusun [Memory card game in concrete common nouns learning in Kadazandusun language]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 8, 118-132. DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/301>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Kadazandusun Tahun Enam*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah, Bilcher Bala, Jane Wong Kon Ling. (2021). Persediaan Awal Latihan Guru Bahasa Kadazandusun Di Institut Pendidikan Guru Malaysia (2011–2014). *Journal of Borneo Social Transformation Studies* (JOBSTS), 7(1).
- Marbella Justine dan Norjietta Taisin (2019). Efficiency Of Learning Software ‘Sinding Pimato’ Towards Reading Achievement Of Kadazandusun Language For Year One Pupils. DOI: 10.18535/ijsshi/v6i3.04
- Mayer, R. E. (2011). Applying the science of learning to multimedia instruction. In *Psychology of learning and motivation* (Vol. 55, pp. 77-108). Academic Press.
- Mohd Harman Md. Rodzi, Alizah Lambri. (2024). Persepsi Murid Tahap 2 Terhadap Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah (Perception of Level 2 Students towards Malay Language Composition Learning in Primary School). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 208-215. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/392/261>
- Nabiila Tsuroyya Azzahra, Septa Nur Laila Ali dan M Yunus Abu Bakar. (2025). Teori Konstruktivisme Dalam Dunia Pembelajaran. *Jurnal Ilmiah Research Student*, 2(2), 64-75. DOI: <https://doi.org/10.61722/jirs.v2i2.4762>
- Norjietta Taisin dan Tracy Valerian. (2025). Nilai Jati Diri berasaskan Ungkapan Indah Lagu Rakyat (Puisi Tradisional) Kadazandusun dalam Pendidikan Bahasa: Personal Value based On The Beautiful Expression Of Folk Songs (Traditional Poems) Kadazandusun in Language Education. *Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu*, 3, 142-149. DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.23.2025>
- Othman. M. K. dan Ishak. S. A. (2013). Pendekatan Konsep Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Jurnal Yadim*.
- Piaget, J. (1969). *The theory of stages in cognitive development* (C. University, Ed.). McGraw-Hill.

- Rohaida Mazlan, Zamri Mahamod dan Khairul Jamaludin. (2024). Isu serta Cadangan Penambahbaikan Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *e-BANGI Journal*, 21(4). DOI:10.17576/ebangi.2024.2104.13
- Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek M. Noah. (2002). *Research design: Philosophy, theory and practice*. Serdang: FPP publication.
- Skinner, B. F. (1957). *Verbal behavior*. Appleton-Century-Crofts.
- Subramaniam Raman, Muhammad Zuhair Zainal dan Fadzilah Amzah. (2023). Pembinaan, Kesahan dan Kebolehppercayaan Modul Penulisan Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Dua. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002031-e002031. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2031>
- Sweller, J. (1988). Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science*, 12(2), 257–285.
- Viannie Tongguritom, Minah Sintian dan Mohd. Norazmie Mohd. Yusof. (2025). Pembangunan media e-lagu untuk pengayaan kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah luar bandar [Development of e-song media on enriching the Kadazandusun vocabulary for rural primary school students]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 86-102. DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/354>
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes* (Vol. 86). Harvard University Press.